

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

29 JULAI 1972

PERASMIAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)

Pada 29 Julai 1972 telah diadakan upacara perasmian Perpustakaan Tun Abdul Razak yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua iaitu YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein. Nama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) diberi bersempena dengan nama Perdana Menteri Malaysia tersebut. Penubuhan Perpustakaan ITM bermula dengan tertubuhnya Dewan Latehan RIDA di Jalan Othman, Petaling Jaya pada 14 Februari 1957. Ia dikenali sebagai Perpustakaan RIDA, menyediakan bahan-bahan bacaan bagi Kursus Menyimpan Kira-Kira (Book Keeping), Perakaunan dan Kursus Persediaan bagi menduduki peperiksaan London Chamber of

Commerce (LCC). Pada awal kewujudannya, seorang Matron Berbangsa Inggeris dipertanggungjawabkan untuk mengawasi perpustakaan tersebut dan segala pelaksanaan kerja perpustakaan hanya beroperasi di dalam sebuah bilik yang terletak di tingkat satu bangunan lama Bahagian Pentadbiran, Dewan Latehan RIDA. Perpustakaan ITM di Kampus Induk telah disediakan dengan sebuah bangunan khas empat tingkat yang direka dan dibina mengikut spesifikasi perpustakaan akademik untuk menampung koleksi, ruang bacaan dan pelanggan.



Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sedang menyiram bunga setelah merasmikan Perpustakaan Tun Abdul Razak.



Melawat koleksi dan ruang bacaan Perpustakaan Tun Abdul Razak.



Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bersama barisan pengurusan eksekutif dan pengurusan kanan ITM serta tetamu yang hadir di majlis perasmian Perpustakaan Tun Abdul Razak.



Upacara simbolik peletakan batu asas perasmian Perpustakaan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.



Sesi ramah mesra dengan para pelajar Perpustakaan Tun Abdul Razak.